



"KEPENTINGAN PENJAGAAN SUMBER AIR"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا
عَلَيْهَا الْمَاءَ آهَتَتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,



Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasih sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala laranga-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah SWT ialah orang yang paling bertakwa.

Tajuk khutbah yang akan disampaikan pada hari ini ialah "**KEPENTINGAN PENJAGAAN SUMBER AIR**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Air merupakan suatu zat atau unsur yang penting bagi semua bentuk kehidupan di bumi. Air menutupi hamper 71% permukaan bumi. Dalam tubuh manusia pula, lebih kurang 55% hingga 78% adalah terdiri daripada air. Jika tiada air di dalam tubuh kita, sel-sel akan kering dan mati, begitulah kepentingan air kepada manusia. Jadi, dikurniakan Allah SWT air kepada kita sebagai air minuman dan penghilang dahaga serta memenuhi keperluan badan kita.

Dari segi peradaban manusia, sejarah telah mencatatkan bahawa kebanyakan tamadun adalah bermula dari sumber air, iaitu sungai. Contohnya peradaban Mesir Kuno amat bergantung kepada Sungai Nil. Dari sudut pandangan biologi, air memiliki sifat-sifat yang penting untuk adanya kehidupan. Bahkan semua makhluk hidup di bumi ini amat bergantung terhadap air.

Firman Allah SWT dalam surah al-Anbia' ayat 30:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ
صَدٌ

"Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? maka mengapa mereka tidak mahu beriman?".

Sidang Jumaat sekalian,



Alhamdulillah, kita seharusnya bersyukur kerana negara kita merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber air dan dapat memenuhi kehendak dan permintaan rakyat untuk menjalankan aktiviti kehidupan harian. Walau bagaimanapun, akibat daripada proses pembangunan yang membawa kepada kemajuan negara, timbul satu ancaman yang perlu diberi perhatian iaitu pencemaran alam sekitar terutamanya yang merosakkan sistem sungai yang membekalkan sumber air mentah kepada rakyat. Meskipun sumber air tidak putus, tetapi air bersih yang dapat digunakan oleh manusia dengan selamat akan semakin berkurangan sekiranya pemeliharaan sumber air tidak dilaksanakan. Pemeliharaan sumber air termasuklah melindungi sumber air mentah, pengurusan sungai yang lebih cekap, memastikan keperluan air kepada tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang melata terjamin disamping mewartakan kawasan tадahan air sebagai kawasan simpanan tetap.

Seperti yang diketahui, sumber air mentah di negara kita kebanyakannya diperolehi terus dari sungai utama dan empangan yang dibina untuk menyimpan air. Namun, sumber air bersih ini terancam akibat masalah pencemaran yang berpunca daripada manusia itu sendiri. Menurut kajian, kira-kira 70% masalah pencemaran sungai di Malaysia adalah disebabkan oleh pembuangan sampah. Pembuangan sampah sarap, sisa buangan domestik dari kawasan perumahan, perkampungan, setinggan, kilang-kilang dan juga sikap tidak bertanggungjawab manusia itu sendiri yang membuang sisa-sisa toksik dan sampah merata-rata menjadi punca kepada pencemaran sungai. Adakalanya manusia-manusia yang tidak bertanggungjawab ini dengan sesuka hati membuang sampah, sisa makanan, botol-botol plastik dan lain-lain bahan binaan ke dalam sumber air kita.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,



Kini, jumlah permintaan air oleh pengguna adalah semakin meningkat dan bagi mengekalkan keseimbangan antara jumlah permintaan air oleh pengguna dan jumlah kuantiti air mentah yang bersih, satu usahasama dari pihak rakyat dan kerjasamadi peringkat penguasa kerajaan negeri dan pusat perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan pencemaran dan kekurangan sumber air mentah yang bersih, sesuai dan selamat.

Kita sebagai pengguna hendaklah membantu kerajaan dalam penjagaan sumber air. Antara tindakan yang boleh kita amalkan adalah dengan mengamalkan sikap lebih bertanggungjawab dan lebih sensitif dengan penjagaan alam sekitar dan sumber air. Kita juga seharusnya menjadi agen penyampai maklumat dalam membantu pihak berkuasa menjaga sumber air dengan melaporkan sebarang aktiviti-aktiviti di kawasan kita yang boleh menyumbang kepada pencemaran. Ini kerana, individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang melakukan pencemaran sebenarnya telah melakukan kesalahan dan kemungkaran kerana tindakan tidak bermoral mereka boleh mengundang kesusahan kepada masyarakat kelak.

Hadis daripada Abu Sa'id al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُّنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ إِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

"Barangsiapa antara kamu melihat suatu kemungkaran, maka hendaklah ia menegahnya dengan tangannya, sekiranya ia tidak mampu maka (tegahlah) ia



dengan lidahnya, sekiranya ia tidak mampu maka (tegahlah) ia dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman”.

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat sekalian,

Hendaklah diingat, air ini merupakan suatu nikmat yang Allah SWT telah kurniakan kepada kita untuk dijaga dengan sebaiknya. Namun, sekiranya anugerah ini tidak dijaga dan dipelihara, tidak mustahil nikmat air bersih ini akan ditarik oleh Allah SWT sedikit demi sedikit dan sampai suatu masa nanti, amat sukar untuk mendapatkan sumber air bersih walau hanya segelas air. Jika keadaan ini terjadi, tiada siapa yang dapat mengembalikan semula air bersih kepada kita melainkan hanya Allah SWT. Ini kerana Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Mulk ayat 30:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاءً كَثِيرًا غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيْكُمْ بِمَاءٍ



“Katakanlah lagi: "Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap (di telan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?".

Mungkin di zaman kita sekarang ini tidak pernah terlintas di fikiran kita bahawa sumber air ini akan musnah. Tetapi, perkara itu tidak mustahil akan berlaku dan ia merupakan tanggungjawab kita generasi kini untuk memelihara sumber air kita dengan sebaiknya demi untuk kesinambungan generasi masa hadapan.



Oleh itu, langkah-langkah berikut perlu kita lakukan:

1. Kita hendaklah meyakini dan bersyukur bahawa sumber air itu datangnya daripada Allah SWT dan tanggungjawab kita memeliharanya.
2. Semua pihak hendaklah bertanggungjawab menyelenggara dan memastikan sumber-sumber air dijaga dan dipelihara dengan baik.
3. Janganlah melakukan pencemaran air kerana ianya akan mendatangkan keracunan dan menjadikan kesihatan manusia dan memusnahkan alam sekitar.
4. Pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah meningkatkan kerjasama untuk mengurus air dengan sebaik-baiknya.
5. Oleh kerana air adalah anugerah yang percuma daripada Allah SWT. Maka tidak wajar pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk kepentingan diri dan pihak-pihak tertentu dengan sewenang-wenangnya dan menceroboh hak-hak manusia di atas muka bumi ini..

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
أَفَرَأَيْتُمْ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ ۝ ۶۸
الْمُزَّنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنْزَلُونَ ۝ ۶۹

"Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum? Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan), atau Kami yang menurunkannya?".



(al-Waqiah: 68-69).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjadikan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنِ وَصَالَاحِ وَعَافِيَةِ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul **
16.03.2015